

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
ANUGERAH SEKOLAH HIJAU MPSP 2014
10 NOVEMBER 2014 (ISNIN), JAM 3.00 PETANG
KONKUS MEGAMAL PINANG, PERAI

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan
Alam Sekitar

Yang Dihormati En. Tan Cheong Heng

Ahli Majlis , Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Sohana Kasim

Pengurus Sumber Manusia

Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd

Yang Berusaha En. Andy Loo

Center Manager Megamal Pinang

**Yang diraikan anak-anak kita, pelajar-pelajar yang mengambil bahagian
dalam Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2014**

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadir sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majllis Penyampaian Hadiah untuk Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2014 pada petang ini. Ucapan terima kasih kepada YB Tuan Phee Boon Poh kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri penyampaian hadiah pada petang ini. Disamping itu, MPSP juga ingin merakam jutaan terima kasih kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd kerana sudi menaja dan menganjurkan bersama Anugerah Sekolah Hijau MPSP sejak tahun 2010. Ini bermakna ini adalah tahun ke-5, MPSP menerima tajaan daripada Continental. Terima kasih diucapkan.

Saya difahamkan bahawa Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. bukan sahaja memberi hadiah wang tunai tetapi juga sebagai fasilitator dalam program-program hijau di sekolah. Selain itu, syarikat tersebut

juga menaja dan menganjur program keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah rendah.

Untuk makluman semua, Anugerah Sekolah Hijau ini yang telah diadakan sejak tahun 2010 dan hanya disertai oleh 30 buah sekolah sahaja. Tetapi penyertaan sekolah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2014, sebanyak 106 buah sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau. Peningkatan sebanyak 76 buah sekolah (253%).

Dengan jumlah peningkatan pada setiap tahun, MPSP lebih komited untuk memberikan latihan kepada para pelajar supaya generasi muda ini dapat mengamalkan program penghijauan ini terutamanya dalam 4R iaitu *Rethink*, *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle*. Dalam tahun 2014, MPSP telah mengadakan bengkel kitar semula di 37 buah sekolah.

Hadirin sekalian,

Terdapat 2 kategori untuk Pertandingan Anugerah Sekolah Hijau iaitu kategori sekolah menengah dan kategori sekolah rendah. Hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi setiap kategori adalah:

- Anugerah Emas [(Johan: Plak+Sijil+Wang Tunai RM2000), Naib Johan: Plak+Sijil+Wang Tunai RM1500, dan Ketiga:Plak+Sijil+Wang Tunai RM1000)],
- Anugerah Perak (6 Anugerah): Plak+Sijil+Wang Tunai RM600

- Anugerah Gangsa (6 Anugerah): Plak+Sijil+ Wang Tunai RM300

Disamping Anugerah Emas, Perak dan Gangsa, terdapat juga tambahan Anugerah Khas yang terbahagi kepada 4 iaitu:

- Program Sisa Sifar,
- Kebersihan & Penghijauan,
- Inovasi & Kreativiti
- Penglibatan Komuniti.

Penerima Anugerah Khas akan mendapat Plak, Sijil dan Wang Tunai RM200. Bagi setiap penyertaan oleh sekolah, Kerajaan Negeri akan memberi insentif sebanyak RM300. Untuk tahun 2014, Kerajaan Negeri telah memberi insentif sebanyak RM31,800.00 (RM300.00x106). Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang turut memberi sokongan dalam Anugerah Sekolah Hijau ini.

Untuk meningkat kesedaran tentang kepentingan kitar semula, satu pertandingan melukis poster sedang diadakan dan tarikh tamat penghantaran poster adalah pada 28 Disember 2014. Poster-poster yang dihantar oleh sekolah untuk dipamerkan di MPSP untuk pengundian pembayar cukai mulai 1 Januari 2015 hingga 28 Februari 2015. 10 poster mendapat pengundian tertinggi bagi setiap kategori iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah akan dikemukakan kepada Penang Green Council untuk menentukan pemenang. Hadiah-hadiah yang ditawarkan ialah seperti berikut:-

- Johan RM2,000 untuk sekolah dan RM500 untuk murid berserta sijil
- Naib johan RM1500 untuk sekolah dan RM300 untuk murid berserta sijil
- Ketiga RM1,000 untuk sekolah dan murid RM100.00 berserta sijil
- Saguhati RM100 untuk sekolah dan RM50.00 untuk murid berserta sijil

Poster-poster yang terpilih akan dicetak untuk edaran kepada orang ramai. Oleh itu diharapkan sekolah-sekolah dapat mengambil peluang untuk hantar poster-poster kepada MPSP.

Hadirin sekalian,

Pada setiap tahun MPSP perlu membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi tujuan pengurusan sisa pepejal di seluruh kawasan Seberang Perai. MPSP terpaksa membelanjakan 40.65% (RM 94.91 juta) daripada keseluruhan bajet MPSP (RM 233.497 juta) untuk pengurusan sisa pepejal. Pada tahun 2013, sebanyak 427,706.21 tan sampah dijanakan oleh penduduk Pulau Pinang. Ini merupakan jumlah yang amat banyak sekali. Bagi mengurangkan perbelanjaan yang semakin meningkat ini, MPSP perlu mendidik dan mendapatkan kerjasama daripada semua penduduk Seberang Perai untuk menjalankan kitar semula.

Oleh itu, MPSP memerlukan transformasi minda warga Seberang Perai untuk berusaha ke arah pencapaian masyarakat berorientasi 4R dan sisa sifar.

Penukaran tidak dapat dibuat secara spontan tetapi memerlukan dasar *waste prevention dan minimization (waste to Resource W2R)*. Selain itu, kempen berterusan akan terus dijalankan di sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, insituti pengajian tinggi, kilang dan juga komuniti.

Harapan MPSP dan Continental Automative adalah untuk melihat lebih banyak lagi sekolah-sekolah lain diberi peluang untuk digelar “Sekolah Hijau” dalam usaha menggalakkan lebih ramai lagi pelajar menghayati dan menghargai alam sekitar. Para pelajar serta anak-anak di hadapan saya pada hari ini merupakan penggubal dasar, jurutera dan arkitek negara di masa hadapan dan adalah penting untuk amalan-amalan hijau dipraktikkan pada usia yang muda.

Akhir kata, kepada pemenang-pemenang Sekolah Hijau 2014, saya mengucapkan tahniah dan berharap sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan pengurusan alam sekitar. Saya juga berharap Anugerah Sekolah Hijau ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektifnya bagi membantu usaha melahirkan generasi akan datang yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan tanggungjawabnya kepada bumi yang satu ini.

Saya juga ingin menyeru semua sekolah di Pulau Pinang khususnya Seberang Perai dapat menyertai program ini dalam membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar terutamanya dalam aspek

pengurusan, penghijauan, kurikulum dan kokurikulum. Besarlah harapan saya agar sekolah-sekolah ini dapat menjadi institusi yang dapat membentuk dan melahirkan masyarakat yang cintakan alam sekitar.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga yang terlibat dalam menjayakan penganjuran Majlis pada petang ini.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.